

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Kedah, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang akan memperkenalkan laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kedah.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021 ini mengandungi perkara seperti berikut:

- i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
- ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
- iii. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri; dan
- iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2021. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpanduan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

8 September 2022